

*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**21 Julai 2020**

1. Balasan tetak anjing dengan parang; Kosmo
2. Denda RM7,000 sebab tetak anjing; Harian Metro
3. Man fined RM7,000 for slashing dog with machete; News Straits Times
4. Pesara tentera obses kucing; Kosmo

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA  
BAHAGIAN PERANCANGAN  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**


# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	11	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

Lelaki didenda RM7,000 di bawah Akta Binatang 1953

## Balasan tetak anjing dengan parang



AMIR (tengah) keluar dari Mahkamah Sesyen selepas dijatuhi hukuman denda RM7,000 atas kesalahan menetak seekor anjing di Kuala Lumpur semalam.

**KUALA LUMPUR** – Perbuatan kejam seorang lelaki menetak seekor anjing baka Mongrel berbalas apabila dihukum denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Keputusan dibuat Hakim Manira Mohd. Nor selepas Amir Abd. Salim Meor Lope, 52, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku salah atas pertuduhan pilihan yang dibacakan terhadapnya.

Amir yang bekerja sendiri didakwa menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing di belakang bengkel kereta tidak bernombor di Jalan Miri, Taman Beringin, Jinjang Utara di sini pada 4 dan 5 Januari 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang boleh dihukum di bawah Sekyen 44(1) akta sama (Pindaan 2013).

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, peguam Chris A. Chong memberitahu mahkamah pihak pembelaan dan pendak-

waan bersetuju OKS membayar denda melalui borang Akuan Rundingan yang telah dipersetujui secara bersama.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Hasiah Musa tidak membantah dan mengesahkan borang akuan tersebut.

Selepas mendengar hujah kedua-dua belah pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM7,000 atau penjara empat bulan sekiranya gagal membayar denda itu. OKS membayar denda tersebut.

Mengikut fakta kes, seorang wanita bersama suaminya yang juga pegadu menjumpai seekor anjing dengan kesan tetakan pada badan dan kaki.

Berdasarkan aduan itu, sepasukan Pegawai Kebajikan Haiwan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang melakukan penyamaran menjumpai sebuah reban ayam milik OKS di kawasan tersebut.

OKS memberitahu, dia menetak beberapa ekor anjing yang datang ke reban ayamnya dengan parang kerana mahu melindungi haiwan peliharaannya di dalam reban tersebut.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Julai 2020


Media Cetak/Elektronik	Harian Metro	Catatan:
Ruangan	Lokal	
M/Surat	A 13	
Perkara	Kebajikan Haiwan	

## Denda RM7,000 sebab tetak anjing

**Kuala Lumpur:** Tindakan kejam seorang lelaki mencederakan anjing baka Mongrel dengan menetak haiwan itu menerima balasan setimpal apabila didenda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Manira Mohd Nor menjatuhkan hukuman itu terhadap Orang Kena Saman (OKS), Amir Abd Salim Meor Lope, 51, selepas lelaki itu mengaku bersalah bagi pertuduhan pilihan berkenaan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Amir didakwa dengan kejam menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya kepada seekor anjing di belakang bengkel kereta tidak bernombor di



AMIR Abd Salim mengaku salah atas kesalahan menetak anjing betina baka Mongrel tahun lalu.

Taman Beringin, Jinjang Utara antara 4 dan 5 Januari 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta

647) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 44(1) akta sama Pindaan 2013 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, sepepasukan pegawai kebajikan haiwan JPV Wilayah Persekutuan menjumpai seekor anjing betina dengan kesan jahitan di kaki kiri dan kanan serta luka di badan dipercayai cedera akibat tetakan objek tajam.

Haiwan itu ditemui di kawasan lombong Taman Wahyu 2, Batu Caves kira-kira jam 10.15 pagi, 2 Februari 2019.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	News Straits Times	Note:
Ruangan	Court /news	
M/Surat	9	
Perkara	Animal act	

## GUILTY PLEA

### Man fined RM7,000 for slashing dog with machete

**KUALA LUMPUR:** A 52-year-old self-employed man was fined RM7,000, in default five months' jail, for slashing a dog with a machete last year.

Sessions Court judge Manirah Mohd Nor meted out the sentence to Amir Abd Salim Meor Lope after he pleaded guilty to the alternative charge of causing unnecessary pain or suffering to the animal.

He committed the offence behind a car workshop at Jalan Miri, Taman Beringin, Jinjang Utara, Kuala Lumpur, between Jan 4 and 5 last year.

The charge was framed under Section 44(1)(d) of the Animals Act 1953, which carries a maximum fine of RM50,000, up to a year's jail, or both, upon conviction.

Amir had, on Nov 15 last year, claimed trial to causing unnecessary pain or suffering to the dog, per Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015.

The offence carries a fine of between RM20,000 and RM100,000, a three-year jail term, or both, upon conviction.

According to the facts of the case, the Veterinary Services De-

partment (VSD) received a report that the public had found seven carcasses of dogs believed to have died due to poisoning near Taman Wahyu Dua near Batu Caves.

The complainant also found another two dogs, one dead while another female mongrel suffered from slash wounds on its feet and body.

Acting on a tip-off, a team of undercover VSD officers went to the scene and was led to Amir's chicken coop behind a car workshop in Jalan Miri, Taman Beringin.

Unaware that the officers were undercover, Amir told one of them that he had slashed several dogs that came to his chicken coop using a machete.

VSD officers then returned to Amir's chicken coop with the police to conduct a search and found a machete believed to have been used by Amir to slash the dog.

Earlier, counsel Chris A. Chong, who represented the accused, told the court that the prosecution and defence had come to an agreement on Amir's guilty plea after the latter agreed



Amir Abd Salim Meor Lope

to pay the RM7,000 fine.

"This agreement was reached through a negotiation declaration form that was mutually agreed."

VSD prosecuting officer Hasiyah Musa confirmed the matter.

# KERATAN AKHBAR

Tarikh: 21 Julai 2020

Media Cetak/Elektronik	Kosmo	Catatan:
Ruangan	Negara	
M/Surat	18	
Perkara	Lain - lain	



**ABDUL Samat** menunjukkan buku rekod maklumat kucing peliharaannya ketika ditemui di rumahnya di Taman Kenari, Kulim, Kedah semalam.

## Pesara tentera obses kucing

**KULIM** – Obses terhadap kucing membuatkan seorang pesara tentera sanggup mengumpul keratan akhbar yang memaparkan cerita tentang haiwan kesayangan itu dan menyimpan rekod maklumat setiap kucing peliharaannya.

Menurut Abdul Samat Lebai Salleh, 65, dia mula mengumpul keratan akhbar dan buku rekod itu sejak mula memelihara kucing pada tahun 2015.

"Saya akan potong dan lekatkan apa sahaja cerita tentang kucing yang ditemui dalam akhbar pada kad manila," katanya ketika ditemui.

Katanya, dia kini memelihara 20 ekor kucing dan memperuntukkan kira-kira dua jam sehari untuk menguruskan haiwan kesayangannya itu.

"Saya mempunyai 150 buku rekod untuk setiap kucing yang dipelihara selama ini termasuk yang lahir di rumah ini atau yang saya ambil di jalanan.

"Buku rekod yang saya simpan ini termasuklah rekod kucing yang telah mati selain ada yang diserahkan kepada orang lain," ujarnya.

Abdul Samat berkata, buku rekod tersebut bertujuan memudahkannya untuk menguruskan kucing peliharaan termasuk bagi urusan pengambilan ubat perancang serta rawatan di klinik haiwan.